

## BAB KETIGA

### PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK ( D A P ) DAN SIKAP TERHADAP PENUBUHAN NEGARA ISLAM DI MALAYSIA.

#### 3.1 PENGENALAN.

Parti Tindakan Demokratik atau pun ringkasnya DAP telah ditubuhkan pada 18 Mac 1966 dengan misi politiknya ia itu untuk mengwujudkan sebuah negara Malaysia untuk rakyat Malaysia yang bercorak demokratik sosialis. <sup>1</sup> Boleh dikatakan bahwa penubuhan DAP adalah disebabkan oleh timbulnya kesedaran, terutama di kalangan mereka yang bukan bumipatera tentang beberapa perkara yang mereka anggap tidak adil yang dilaksanakan oleh pemerintah pada ketika itu. <sup>2</sup> Bagi mereka, istilah bumipatera dan bukan bumiputera itu sendiri menunjukkan satu ketidakadilan kerana adanya perbuatan beza membezakan rakyat yang tinggal dalam negara Malaysia ini. <sup>3</sup>

Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, terdapat beberapa fasal yang menyentuh hal berkenaan dengan hak buumiputera dan beberapa kelebihan yang dimiliki oleh golongan tersebut. <sup>4</sup> Bagi DAP dasar bumiputera tersebut telah mengwujudkan polarisasi kaum dalam negara Malaysia dan boleh mem-

cahbelahan perpaduan mereka. Fasal yang memeperuntukan soal mengenai bumiputera itu menunjukkan betapa tidak wujud pembahagian hak yang adil di kalangan rakyat Malaysia. Ini termasuklah soal mengenai ekonomi, pelajaran, agama dan sebagainya. 5

Akibat dari perasaan tidak puas hati tentang ketidak-adilan itu telah menyebabkan sekumpulan pemimpin yang kebanyakannya dari bangsa Cina telah mengambil usaha untuk menuhukan sebuah parti yang memperjuangkan persamaan dalam semua bidang di kalangan semua rakyat Malaysia. Dalam masa yang sama DAP sebenarnya memperjuangkan satu bentuk masyarakat yang demokratik dan perjuangannya adalah lebih tertumpu kepada membela hak golongan bukan bumiputera di dalam negara Malaysia. 6

Sebelum penubuhan DAP telah pun wujud sebuah parti politik yang boleh dikatakan membawa misi perjuangan yang sama dengan PAP iaitu Parti Tindakan Rakyat yang dipimpin oleh Lee Kwan Yew. Motto perjuangan Parti Tindakan Rakyat ialah kearah meMalaysiakan masyarakat Malaysia ( Toward Malaysian Malaysia ). Inilah juga motto perjuangan yang dipakai oleh Dap. 7 Cuma apa yang membezakan DAP dengan Parti Tindakan Rakyat ( P A P ) ialah Dap lebih tegas di dalam menyuarakan

pendapat mereka mengenai ketidakadilan yang berlaku. Mereka begitu berani menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka terhadap hak keistimewaan yang dimiliki oleh orang Melayu seperti yang diperuntukkan di dalam fasal 153 Perlembagaan Persekutuan. Bagi PAP, walaupun ia memperjuangkan sebuah masyarakat yang demokratik, tetapi ia tidak pernah membangkitkan soal mengenai hak keistimewaan Melayu yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. 8

Sesudah berlakunya pemisahan Singapura dari Malaysia dalam tahun 1965, maka PAP yang telah menguasai Singapura itu telah tidak dibenarkan lagi untuk bergerak di Malaysia dan setahun sesudah itu barulah DAP ditubuhkan. 9

Sesudah penubuhan DAP telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan, maka DAP telah menyusun semula Jawatankuasa tertinggi pusat yang terdiri daripada Dr Chan Man Hin, Mohammad Noor bin Jetty, C.V Devan Nair, Goh Hock Guan, Dr S. Seevaratnam, Lim Kit Siang, Dr K.S Das, Can Kok Kit, Chin Chang Sung, Michel Khong, Daeng Ibrahim Osman, Tan Chong Bee, J.A Basnayake dan Khoo Heng Hock. 10

Untuk menyebarluaskan ideologi politiknya, parti tersebut telah menerbitkan majalah " The Rocket " dalam empat bahasa

iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris China dan Tamil.<sup>11</sup>

Perkara asas yang menjadi prinsip perjuangan DAP ialah seperti apa yang tercatit dalam pengistiharan Setapak iaitu mengikat parti kepada satu kesanggupan yang mukتمad terhadap sebuah negara Malaysia yang bebas, demokratik dan berasesaskan demokrasi berparlimen. <sup>12</sup>

Parti tersebut beranggapan bahawa kejayaan dalam proses pembinaan negara mestilah bergantung kepada penerimaan dan perlaksanaan prinsip kesaksamaan kaum di semua peringkat kehidupan negara dalam semua bidang usaha negara, yakni politik, sosial, kebudayaan dan pelajaran. Ini bererti dalam proses tersebut perlulah disingkirkan sebarang fikiran hegemony kaum dalam satu masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.

Ini kerana hegemony kaum memang merupakan setu prinsip yang tidak wajar dipakai. Bagi DAP orang Melayu tidak menjadi majority dalam negara ini. Begitu juga dengan orang China dan India. Dengan lain perkataan tidak ada satu kaum di Malaysia yang boleh mendakwa bahawa mereka adalah penduduk yang majority. <sup>13</sup>

Oleh yang demikian DAP telah meletakkan beberapa asas seperti yang telah dinyatakan oleh Lim Kit Siang dalam majalah "The Rocket" yang dikeluarkan dalam tahun 1966. Beliau menyebut:

Semua rakyat Malaysia harus merenungi semula tentang apakah yang mereka fikirkan sebagai matlamat Malaysia. Jika matlamat mereka sebuah negara yang berbilang kaum, di mana tidak ada sebarang diskriminasi kaum, bangsa atau keturunan, maka suatu persetujuan harus dicapai mengenai beberapa hukum asas jika negara berbilang kaum itu hendak berjaya.

Hukum-hukum asas itu ialah:

i. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, Malaysia bukan menjadi milik mana-mana kaum yang tertentu. Oleh itu tidak ada satu kaum pun yang boleh menganggap dirinya sebagai itpikal Malaysia. Ini adalah setu norma yang harus dipatuhi oleh lain-lain kaum.

ii. Kebudayaan Malaysia bukanlah kebudayaan Melayu, kebudayaan Cina atau kebudayaan India, tetapi adalah gabungan semua aliran kebudayaan yang bertemu di Malaysia yang membawa kepada kebebasan saling

bertindak dan intergrasinya.

- iii. Semua bahasa yang ditutur oleh rakyat Malaysia dari berlainan keturunan adalah bahasa-bahasa Malaysia. Orang-orang yang mensifatkan bahawa bahasa Cina atau Tamil sebagai asing adalah serupa dengan menyatakan bahawa rakyat Malaysia keturunan Cina atau India sebagai orang asing.
- iv. Bahasa Kebangsaan akan menjadi bahasa bersama sebagai satu kuasa perpaduan dan bukannya perpecahan.
- v. Penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam satu sistem pelajaran yang benar-benar bersifat Malaysia dalam bentuknya.

### 3.2 MATLAMAT PERJUANGAN.

Matlamat yang diperjuangkan oleh DAP boleh dibahagikan kepada tiga perkara yang paling utama iaitu:

- i. Demokrasi politik
- ii. Demokrasi Sosial dan Demokrasi
- iii. Demokrasi kebudayaan.

## i. Demokrasi Politik.

Apa yang dimaksudkan dengan demokrasi politik ialah semua rakyat tanpa mengira bengsa, bahasa, agama mestilah mempunyai peluang untuk mendapatkan hak politik yang sama.ertiaya setiap rakyat Malaysia mestilah diberi peluang yang sama untuk menjalankan pemerintahan di Malaysia. 15

## ii Demokrasi Ekonomi dan Sosial.

Demokrasi ekonomi dan sosial bermakna penematan sebarang bentuk exploitasi seorang manusia keatas manusia yang lain. Dalam hal ini DAP memberikan sokongan penuh sebarang usaha untuk membasmi kemiskinan dan kemunduran terutama di kawasan luar bandar. 16

Dalam soal demokrasi ekonomi, Dap menjelaskan bahawa setiap rakyat Malaysia mestilah diberi peluang yang sama rata untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi tanpa sebarang sekatan-sekatan yang berbeza antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. 17

Apa yang dimaksudkan dengan demokrasi sosial ialah kesamaan hak di dalam hal yang bersangkutan dengan sosial. Um-

pamanya di dalam bidang pendidikan. Seluruh rakyat Malaysia mestilah diberi peluang yang sama di dalam mendapatkan peluang-peluang pendidikan dari peringkat sekolah hingga peringkat universiti. Mereka mesti diberikan peluang yang sama untuk mendapatkan tempat di universiti atau pun untuk mendapatkan biasiswa dan sebagainya. Di sinilah terletaknya apa yang dikatakan demokrasi sosial.

18

#### **Demokrasi ekonomi sosial juga bermaksud:**

1. Penyelesaian masalah pengangguran samada di kampung atau pun di bandar melalui program-program yang lebih dinamik dan menggalakkan pelaburan modal asing di dalam negara ini berdasarkan kepada perkongsian yang sama banyak antara pelabur tempatan dan luar negeri.

19

2. Polisi fiskal dan percukaian hendaklah kearah pembahagian kekayaan yang lebih adil di dalam negara.

3. Pembahagian tanah yang sama rata tanpa mengira bangsa.

4. Penghapusan rasuah di semua peringkat masyarakat.

iii. Demokrasi Kebudayaan.

Dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa tidak ada satu bangsa pun yang boleh memaksa kebudayaan yang diamalkan keatas bangsa yang lain. Telah menjadi satu perkara yang semulajadi bahawa setiap bangsa itu mempunyai kebudayaannya yang tersendiri. Oleh itu pemakaian kebudayaan satu bangsa keatas satu bangsa yang lain adalah satu bentuk pencerobohan keatas hak asasi manusia. Demokrasi kebudayaan di Malaysia bermaksud satu bentuk penggabungan kebudayaan dari tiap-tiap bangsa yang ada hingga membentuk satu kebudayaan dengan imej yang tersendiri. 20

### 3.4 SIKAP DAP MENGENAI NEGARA ISLAM.

#### 3.3.1 PENDAHULUAN.

Sebagai sebuah parti yang bergerak di Malaysia, maka dari DAP tidak dapat lari/menyatakan sikap sebenar mengenai penuhnya negara Islam di Malaysia. Ini adalah kerana sebahagian dari penduduk Malaysia adalah beragama Islam. Pada zaman yang dikatakan sebagai zaman kebangkitan Islam, tuntutan masyarakat Islam supaya dilaksanakan undang-undang Islam secara menyeluruh semakin jelas dan nyata. Dalam masa yang sama, terdapat juga masyarakat Malaysia yang bukan beragama Islam. Dengan tuntutan yang seumpama ini, sudah tentu menimbulkan berbagai-bagai tanggapan di kalangan mereka.

Sebenarnya perjuangan untuk menegakkan negara Islam di Malaysia telah lama bermula. Setelah beratus-ratus tahun dijajah oleh penjajah barat, telah timbul kesedaran di kalangan masyarakat Islam di Malsysia khusunya di kalangan bangsa Melayu untuk menegakkan kerajaan mereka sendiri di mana mereka mempunyai kebebasan yang sepenuhnya untuk menjalankan pentadbiran tanpa sebarang campurtangan dari mana-mana pihak. 21

Pada peringkat akhir penjajahan British di Malaysia, desakan-desakan kearah kearah kemerdekaan semakin kuat di-

65  
laungkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan di Malaysia. Di-celah-celah laungan itulah timbulnya desakan penubuhan sebuah pemerintahan yang bercorak Islam atau pun apa yang dikatakan negara Islam. <sup>22</sup>

Secara rasminya perjuangan untuk menegakkan negara Islam di Malaysia bermula dengan tertubuhnya 'Hizbul Muslimin' pada tahun 1949. di Gunung Semanggol Perak. Antara matlamat perjuangan yang digariskan oleh kumpulan tersebut ialah perjuangan untuk menegakkan sebuah negara Islam di Malaysia. Walau bagaimana pun Hizbul Muslimin kemudiannya telah diharamkan oleh penjajah British dan kebanyakan para pemimpinnya telah ditangkap. <sup>23</sup>

Sesudah itu muncul pula satu pertubuhan yang baru sebagai penerusan daripada perjuangan Hizbul Muslimin iaitu Parti Islam Setanah Melayu yang ditubuhkan dalam tahun 1951. <sup>24</sup> Dalam usaha untuk mencapai cita-cita tersebut, Pas telah me-libatkan diri dalam pilihan raya yang diadakan pada masa yang lalu. Walau bagaimana pun sejak dari mula penglibatan Pas dalam pilihanraya sampai sekarang, parti tersebut masih belum lagi mendapat kemenangan yang membolehkannya membentuk sebuah kerajaan. <sup>25</sup>

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, akibat dari kebangkitan Islam yang berlaku di seluruh dunia, ramai masyarakat Islam telah turut serta dalam arus kebangkitan itu dan semakin ramai yang menyeru supaya kembali kepada Islam secara menyeluruh. Ini termasuklah dalam soal-soal pemerintahan negara yang memerlukan kepada penubuhan sebuah negara Islam. Perkembangan yang berlaku di seluruh dunia ini telah turut dirasai oleh masyarakat Islam di Malaysia. Masyarakat Islam merasakan bahawa mereka tidak rela lagi untuk terus terkong-kong di bawah satu sistem yang tidak Islamic sehingga menimbulkan satu kontradiksi kejiwaan yang hebat di dalam jiwa mereka.

26

Dalam arus kebangkitan yang melanda inilah kerajaan Malaysia di bawah pimpinan YAB Doktor Mahathir Mohamad telah melancarkan dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam di dalam seluruh pentadbiran kerajaan.

27

Di samping itu, realiti masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk atau pun berbilang agama dan keturunan. Oleh yang demikian, arus kebangkitan Islam yang melanda masyarakat Islam serta tuntutan-tuntutan kearah perlaksanaan Islam secara menyeluruh dan juga dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang dilancarkan oleh kerajaan, telah menimbulkan sebagai reaksi di kalangan mereka.

28

Dalam hal ini, sebagai sebuah parti yang bergerak di Malaysia maka sudah tentu DAP telah memerhatikan perkembangan yang sedang berlaku itu. Perlü dijelaskan bahawa kebanyakan anggota DAP adalah terdiri dari golongan bukan Islam. Perkara ini boleh dibuktikan melalui penglibatan DAP di dalam pilihanraya di mana kebanyakan kawasan yang dimenangi oleh DAP adalah kawasan yang penduduknya yang majority adalah terdiri dari golongan bukan Islam. 29

Oleh kerana itu sebarang tanggapan pehak Dap mengenai usaha penubuhan negara Islam di Malaysia boleh dianggap mewakili sebahagian dari golongan bukan Islam di Malaysia.

### **3.3.2 SIKAP DAP MENGENAI USAHA PENUBUHAN NEGARA ISLAM DI MALAYSIA.**

Apa yang jelas daripada kajian yang dibuat, penulis telah sampai kepada satu kesimpulan bahawa Dap samasekali tidak akan bertolak ansur di dalam soal mengenai negara Islam.

Dalam satu forum yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa, setiausaha kebangsaan bagi DAP iaitu, Dr Tan Seng Giaw telah menyatakan; 30

DAP oppose the formation of an Islamic State in Malaysia and the imposition of Syariah on Non Muslim in our multireligous society.

Kenyataan di atas di sokong pula dengan satu kenyataan yang tegas yang telah dibuat oleh Peter Paul Dason, seorang aktivis DAP. Beliau telah menyatakan;

31

"DAP oppose an Islamic State on a matter principles for we firmly believe that in a multiracial, multi religious, multilingual, multicultural Malaysia only a secular state which does not discriminate against any religious faith could lay the basis for the building of a successful, prosperous and viable Malaysian Nation."

Daripada dua kenyataan di atas, terang dan jelas menunjukkan bahawa DAP samasekali tidak akan menerima kewujudan sebuah negara Islam di Malaysia berdasarkan kepada Malaysia adalah sebuah negara masyarakat majmuk. Menurut DAP, Malaysia mesti mengekalkan statusnya sebagai sebuah negara sekular yang lebih menjamin kebebasan beragama di kalangan penduduknya.

Sikap tersebut dapat diketahui dengan lebih jelas lagi berikut penolakan DAP terhadap tawaran yang pernah dibuat terhadapnya untuk menujuhkan sebuah barisan pembangkang dalam pilihanraya 1986. 32

Menurut satu keterangan akhbar "The Rocket" baru-baru ini ada dinyatakan; 33

" The DAP will not form any opposition Front or electoral understanding with PAS as PAS is not compromise on the issue of an Islamic State. "

Berdasarkan kepada alasan bahawa PAS tidak dapat bertolak ansur mengenai issue negara Islam, maka DAP tidak dapat untuk turut serta di dalam barisan pembangkang tersebut. Dalam hal ini PAS juga tidak dapat bertolak ansur dengan DAP kerana ia adalah matlamat perjuangan yang paling utama bagi PAS.

34

Penolakan DAP untuk membentuk satu barisan pembangkang bukan hanya berdasarkan kepada soal prinsip tetapi berdasarkan juga kepada maklumbalas yang diterima oleh parti tersebut daripada para penyokongnya. Mereka pada umumnya menerima keperluan wujudnya satu barisan pembangkang tetapi dengan syarat bahawa PAS mestilah menggugurkan matlamatnya untuk menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia. 35

Seterusnya Encik Peter Paul Dason menyatakan;

" We are not prepared to give any consideration

to the DAP supporting the concept, idea and struggle of an Islamic State in any form or shape." 36

" DAP tidak bersedia untuk memberi sebarang pertimbangan terhadap persoalan mengenai sokongan DAP terhadap konsep, idea dan perjuangan negara Islam dalam sebarang bentuk dan corak. "

Tegasnya bagi DAP, penubuhan negara Islam bererti mengorbankan banyak prinsip-prinsip yang penting dalam perlembagaan Malaysia. Parti yang ingin mengwujudkan kerjasama tersebut ( penubuhan sebuah negara Islam ) adalah bermakna ingin menghapuskan keseluruhan perlembagaan Malaysia. 37

Menyentuh mengenai usaha-usaha yang dijalankan kearah penubuhan negara Islam di Malaysia, DAP melihat ianya adalah datang dari dua sudut iaitu:

1. Usaha melalui proses dalaman ( insidious process)
2. Usaha penubuhan negara Islam secara nyata.

#### 1. Usaha melalui proses dalaman ( insidious process ).

Usaha melalui proses dalaman kearah penubuhan sebuah negara Islam di Malaysia boleh dilihat melalui salah satu dari dasar kerajaan iaitu Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam.

Bagi DAP dasar ini merupakan satu ancaman yang besar kepada kebebasan beragama yang dijamin oleh perlembagaan kerana dasar tersebut dilihat sebagai penerapan Islam secara gradual di dalam sistem pentadbiran kerajaan yang akhirnya akan membawa kepada penubuhan sebuah negara Islam. 38

DAP beranggapan dasar tersebut telah mendatangkan kebimbangan yang besar di kalangan yang bukan Islam kerana ia juga merupakan satu proses pengIslamian negara Malaysia. DAP merasakan pengIslamian tersebut bukan hanya sekadar menerapkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan dan memupuknya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, tetapi ia juga adalah bererti menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam setiap aspek kehidupan manusia. 39

Untuk menyokong hujjah tersebut sebahagian DAP telah memetik kata-kata Perdana Menteri Malaysia; 40

" Saya harap kita tidak akan membazir tenaga me-laung-laungkan slogan yang enak didengar, tetapi tidak berisi, sebaliknya kita harus bergerak beransur-ansur ke hadapan di dalam melaksanakan prinsip-prinsip Islam. Dan adalah penting bagi kita membuktikan bahawa sistem Islam mampu memenuhi bukan sahaja keperluan orang-orang Islam, tetapi juga masyarakat bukan Islam.

Dengan kata lain, matlamat akhir ialah untuk mengwujudkan satu bentuk sistem pemerintahan negara Malaysia yang bersifat Islam. Betapakah bezanya ini dengan negara Islam? 41

Seterusnya pihak DAP memetik kata-kata Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim yang disebut pernah mencabar PAS untuk menunjukkan mana-mana peruntukan tertentu dalam perlembagaan yang tidak membenarkan atau menimbulkan kesulitan kepada kerajaan bagi meminda sebahagian undang-undang untuk menyesuaikannya dengan keperluan-keperluan Islam. 42

Pendangan-pandangan DAP tentang Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam ini dikuatkan lagi <sup>dengan</sup> memetik kenyataan Tan Sri Mohammad Salleh Abbas yang berbunyi; 43

" Undang-undang Islam boleh digunakan tetapi prinsip-prinsipnya perlu ditemui dan dikaji. Kita harus mengkaji terlebih dahulu apakah undang-undang ini. Bila ini selesai, orang-orang bukan Islam harus diyakini untuk menerimanya. Ia harus dilakukan menerusi teladan dan bukannya paksaan.

Seterusnya DAP juga berpegang kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Musa Hitam yang pada ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia; 44

" Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menyelaraskan berbagai aspek Undang-undang Syariah dan Awam sejajar dengan usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran. "

Kenyataan-kenyataan yang dipetik diatas membayangkan p program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui dasar ini. Kesemuanya ini dilihat oleh DAP sebagai satu langkah secara berperingkat kearah merealisasikan sebuah negara Islam.

Melalui dasar ini juga DAP merasakan bahawa kerajaan berusaha untuk menghapuskan lain-lain agama secara berperingkat agar pada satu masa nanti semua orang akan memeluk Islam. Sekiranya ini berlaku, maka akan tertegaklah sebuah negara Islam pada suatu hari nanti. <sup>45</sup>

Oleh yang demikian penduduk Malaysia mestilah tegas di dalam menyatakan sikap mereka dan ketaatan mereka yang tidak berbelahbagi kepada prinsip-prinsip perlembagaan Malaysia yang bersifat sekular dan hendaklah menentang sebarang usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. <sup>46</sup>

2. Usaha penubuhan negara Islam secara nyata.

Satu lagi proses penubuhan negara Islam adalah melalui perjuangan secara terbuka untuk menubuhkan negara Islam di Malaysia. Perkara ini diperjuangkan oleh Parti Islam Seta-nah Melayu ( PAS ). Bagi DAP, sebagai parti yang menolak sama sekali penubuhan negara Islam di Malaysia, ia telah menolak pelawaan PAS untuk mengwujudkan kerjasama selagi PAS tidak bertolak ansur dalam soal mengenai negara Islam. 47

Berikutan pilihanraya 1986, telah wujud cubaan untuk mengadakan barisan pembangkang yang dianggotai oleh beberapa buah parti termasuklah PAS. DAP telah dijemput sama untuk turut serta dalam barisan pembangkang tersebut. Walau bagaimana pun DAP telah menolak tawaran tersebut dengan alasan yang telah disebutkan sebelum ini iaitu ia tidak bersetuju sama sekali dengan matlamat PAS untuk menubuhkan negara Islam di Malaysia. 48

Perkembangan yang terakhir menunjukkan terdapat usaha untuk mengwujudkan semula kerjasama untuk membentuk barisan pembangkang. DAP sekali lagi telah ditawarkan untuk turut serta dalam kerjasama tersebut, tetapi sekali lagi DAP telah menolaknya dengan alasan yang serupa. 49

Berdasarkan kepada kenyataan yang dinyatakan dalam huraian yang lalu dapat disimpulkan bahawa DAP tidak akan berkerjasama dengan sebarang usaha untuk mengubah dasar sekular yang ada dalam perlumbagaan dan sistem kerajaan yang ada pada hari ini, samada usaha tersebut dijalankan melalui pengisytiharan terbuka mengenai perjuangan untuk penubuhan sebuah negara Islam atau pun melalui proses Islamisasi yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan sekarang. 50

### 3.3.3 BEBERAPA PERSOALAN MENGENAI NEGARA ISLAM DARI SUDUT PANDANGAN DAP.

Setelah kita mengenal pasti sikap sebenar DAP berhubung dengan penubuhan negara Islam di Malaysia, penulis akan cuba menyoroti beberapa persoalan yang berkaitan dengan negara Islam dari sudut pandangan DAP.

Antara persoalan yang ditimbulkan oleh DAP menngenai negara Islam ialah:

1. Kebebasan agama dalam negara Islam.
2. Masalah kerakyatan dalam negara Islam.
3. Undang-undang bagi negara Islam.
4. Contoh negara Islam.
5. Hak politik rakyat bukan Islam.

1. Kebebasan agama dalam negara Islam.

Antara perkara yang menjadi persoalan ialah setakat manakah kebebasan agama yang diberikan oleh negara Islam.

Di dalam Perlembagaan Persekutuan ada dinyatakan secara jelas mengenai kebebasan agama di kalangan rakyat meskipun agama Islam dianggap sebagai agama rasmi bagi negara Malaysia. 51

Dalam hal ini apakah negara Islam juga akan memberikan kebebasan yang serupa dalam ertiketa yang sebenarnya.

Apa yang menjadi kebimbangan bagi DAP ialah, daripada bukti-bukti yang wujud menunjukkan adanya pemaksaan ke atas golongan bukan Islam untuk memelok agama Islam. 52

Ini berdasarkan kepada Enakmen Undang-undang pentadbiran Islam Negeri Selangor yang diluluskan baru-baru ini di mana perkara 67 enakmen tersebut menjelaskan seorang yang bukan Islam boleh memelok Islam apabila sampai umur beligh. 53 Secara biologinya umur baligh tersebut adalah antara 12 hingga 15 tahun.

Ini bererti berdasarkan kepada perkara 67 itu, pihak keluarga bukan Islam telah kehilangan hak untuk menentukan agama bagi anak-anak mereka apabila anak-anak mereka telah mencapai umur baligh. Bagi DAP enakmen tersebut adalah bertentangan dengan perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan;

54

" Bagi maksud Fasal 3 ugama bagi seseorang anak yang berumur kurang dari 18 tahun adalah ditapkan oleh ibu bapa atau penjaganya.

Telah disebut sebelum ini bahawa proses Islamisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini sebenarnya adalah bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam. Maka di bawah dasar Islamisasi ini, maka enakmen tersebut diluluskan dengan mendapat sokongan ketiga-tiga parti komponen Barisan Nasional iaitu UMNO, MCA dan MIC. 55

Perkara diatas sebenarnya telah menimbulkan ketakutan kepada golongan Islam. Berdasarkan kepada perkara di atas DAP beranggapan dengan kewujudan negara Islam akan berlaku pemaksaan keatas golongan bukan Islam untuk memelok agama Islam. 56 57

## 2. Masalah kerakyatan dalam negara Islam.

Antara falsafah yang di dokong oleh DAP ialah tidak wujud perbezaan di kalangan rakyat dari sudut kerakyatan. Semua orang mestilah menikmati hak kerakyatan yang serupa tanpa dibezaan antara satu sama lain. 58

DAP menentang konsep pembahagian kerskyatan di Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera atau pun pembahagian rakyat berdasarkan kepada agama. 59

Dengan hal yang demikian , DAP beranggapan bahawa akan wujud ketidakadilan dalam masyarakat bagi sebuah negara Islam kerana rakyat akan dikelaskan mengikut agama. Dengan pengelasan yang sedemikian rupa tidak akan dapat mengwujudkan masyarakat yang bersatupadu. 60

## 3. Undang-undang bagi negara Islam.

Apakah undang-undang yang terpakai dalam sebuah negara Islam. DAP beranggapan sudah tentu undang-undang yang terpakai dalam negara Islam ialah Undang-undang Syariah. 61

Menurut pandangan DAP beberapa aspek undang-undang Syariah adalah tidak bersetujuan lagi dengan realiti yang ada di zaman moden ini dan ia dibangunkan atas prinsip-prinsip yang bersifat orthodox dan dogmatic. 62

Menurut DAP, pencorakan Undang-undang Syariah oleh ulama-ulama dahulu adalah berdasarkan kepada struktur masyarakat dahulu. Oleh kerana setengah daripada undang-undang tersebut adalah bercanggah dengan kemanusiaan dan semangat universal yang diperjuangkan oleh Al Quran itu sendiri.

63

Untuk menyokong pendapat di atas Dr Tan Seng Giaw telah memetik kata-kata Dr Chandra Muzaffar iaitu:

64

i. Undang-undang Syariah membenarkan pemusatkan kuasa "centralisation of power". Sedangkan Al Quran labih condong kepada kebebasan individu dan hak untuk menentukan arah tujuannya.

ii. Undang-undang Syariah membahagikan rakyatnya berdasarkan kepada Darul Islam dan Darul Harb. Dalam Al Quran pula konsep rakyat diterangkan dalam bentuk yang lebih menyeluruh.

iii. Terdapat pembahagian golongan bukan Islam minoriti di dalam negara Islam menurut Undang-undang Syariah. Sedangkan di dalam Al Quran keterangan tentang hak dan tanggungjawab seseorang manusia adalah lebih bersifat universal.

iv. Peranan wanita dalam politik dan hal-hal umum adalah disekat menurut Undang-undang Syariah. Sedangkan di dalam Al Quran tidak terdapat larangan tersebut.

Perbezaan-perbezaan yang dinyatakan diatas menunjukkan terdapat aspek-aspek syariah yang tidak bersesuaian dengan prinsip-prinsip universal seperti yang dinyatakan oleh Al-Quran.

Bebberapa persoalan yang timbul dari perlaksanaan Undang-undang Syariah ialah setakat manakah pemakaian undang-undang tersebut dalam negara Islam. Apakah undang-undang itu akan dikenakan juga keatas mereka yang bukan Islam. Sendainya orang-orang bukan Islam juga akan dikenakan tindakan menurut Undang-undang Syariah, maka ini adalah satu bentuk pemaksaan keatas orang-orang bukan Islam untuk menerima ajaran Islam. 65

#### 4. Model negara Islam.

Menurut DAP, kebanyakan kebanyakan rakyat bukan Islam dalam negara ini masih lagi tidak mendapatkan gambaran yang jelas mengenai konsep negara Islam itu sendiri.<sup>66</sup> Apa yang mereka fikirkan apabila disebut sahaja negara Islam, maka ia sering dikaitkan dengan soal keganasan, kekejaman dan sebagainya.

Pandangan di atas adalah berdasarkan kepada lapuran akhbar bila dikaitkan dengan soal mengenai negara Islam. Sebagai contohnya ialah negara Iran yang kini dianggap sebagai negara Islam. Pihak akhbar telah memberikan gambaran yang seburuk-buruknya mengenai Republik Islam Iran dan ini telah membentuk pemikiran-pemikiran yang buruk di kalangan mereka yang bukan Islam.<sup>67</sup>

Oleh itu DAP berharap agar konsep sebenar negara Islam itu akan dapat dijelaskan dengan nyata agar golongan bukan Islam tidak lagi terkeliru dengan persoal tersebut.<sup>68</sup>

#### 5. Hak politik rakyat bukan Islam.

Apakah hak politik bukan Muslim di dalam negara Islam. Dapat beranggapan bahawa mereka yang bukan Islam tidak akan

hak politik yang sewajarnya. Mereka akan disekat dari menjawat jawatan yang penting dalam kerajaan. Ini adalah bertentangan matlamat perjuangan DAP iaitu persamaan semua rakyat untuk mendapatkan hak dalam segenap segi termasuklah soal-soal yang berkaitan politik. 69


### **3.4 KESIMPULAN.**

Daripada huraian-huraian yang lalu dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan DAP tidak dapat menerima kewujudan sebuah negara Islam di Malaysia.

Faktor-faktor tersebut ialah:

1. Malaysia adalah sebuah negara masyarakat majmuk yang terdiri dari berbagai bangsa, agama, kebudayaan adat resam dan sebagainya.
2. Penubuhan negara Islam adalah bertentangan dengan prinsip yang diperjuangkan oleh DAP iaitu persamaan semua kaum yang terdapat di Malaysia.
3. Penubuhan negara Islam adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip perlembagaan negara.

4. Penubuhan negara Islam akan megwujudkan diskriminasi agama di mana rakyat bukan Islam akan dipaksa untuk mengikuti ajaran Islam.



1. Hung Choon Micheal, The Democratic Action Party of Malaysia: The Case For Malaysian Malaysia Retested, ( Bundoora, Victoria, 1969 ) h. 4
2. Democratic Action Party, himpunan ceramah dan ucapan para pemimpin DAP. Petaling Jaya. 1969. h. 16
3. Democratic Action Party, Who Lives If Malaysia Dies, ( Petaling Jaya, 1969 ) h. 20
4. ibid, h. 34
5. ibid, h. 23
6. ibid, h. 25
7. ibid, h. 13
8. R.K Vasil, The Malaysian General Election of 1969, ( London: Oxford University Press, 1972 ) h. 30
9. ibid, h. 16
10. Demokratic Action Party, himpunan ceramah dan ucapan para pemimpin DAP, ( Petaling Jaya 1969 ) h. 18
11. ibid, h.19
12. ibid, h. 34
13. ibid, h. 37
14. Ucapan Lim Kit Siang yang disiarkan dalam akhbar " The Rocket " yang diterbitkan dalam tahun 1966. Rujuk juga Demokratic Action Party, himpunan ceramah dan ucapan para pemimpin DAP, ( Petaling Jaya 1969 ) h. 35
15. Demokratic Action Party, op.cit, h. 15
- 16.ibid, h. 16

17. ibid, h. 17
18. ibid.
19. Demokratic Action Party, himpunan ceramah dan ucapan pemimpin DAP, ( Petaling Jaya 1969 ) h. 36
20. Lim Kit Siang, Time Bom In Malaysia; Problem of Nation Building in Malaysia, ( Petaling Jaya, 1978 ) h. 39
21. Safie Ibrahim, The Islamic Party of Malaysia, its Formative Stages And Ideology, ( Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1981 ) h.2
22. ibid, h. 4
23. ibid, h. 8
24. ibid.
25. Chamil Wariya, Politik Kompromi; Satu Tinjauan Kerjasama Melayu Dengan Bukan Melayu Di Malaysia, ( KL: K Publishing ) h. 89
26. Ahmad Kamar, Islam Tercabar, ( Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Umum ) h. 23
27. Chamil Wariya, Siapa Kuasai Umno, ( Petaling Jaya: Media Intelek Sdn Bhd 1985) h. 204
28. Ucapan P.Patto, Ahli Parlimen DAP di dalam satu forum yang dianjurkan oleh Persatuan Sosiologi Dan Antropologi Universiti Malaya dalam tahun 1985.
29. Rujuk R.K Vasil, op.cit. h. 59
30. Doktor Tan Seng Giaw, Islamis Law in Malaysia; Views and Respons of Non Muslim, kertaskerja yang dibentangkan di dalam satu forum di Universiti Islam Antarabangsa pada 2.9.1989

31. The Rocket, Volume 22, issue 7, h. 3
32. Chamil Wariya, op.cit, h. 74
  
33. The Rocket, Volume 22, issue 7, 1989
34. Perlembagaan PAS, terbitan Biro Penerangan PAS Pusat,  
Taman Melewar, Kuala Lumpur, h. 1
35. The Rocket, op.cit. h. 3
36. ibid.
37. Kertaskerja Dr Paul Tan, Pengarah Penyelidikan Katholik  
yang diterbitkan di dalam buku " Human Right In Malaysia"  
( Jawatankuasa Hak Asasi Manusia DAP, 1985 )
38. ibid.
39. Temubual dengan Dr Tan Seng Giaw, Setiausaha Umum DAP  
pada 15.9.1989 di Pejabat DAP, Petaling Jaya, Selangor.
40. Kertaskerja Dr Paul Tan, op.cit.
41. ibid.
42. ibid.
43. ibid.
44. ibid.
45. ibid.
46. The Rocket, op.cit,h.3
47. Chamil Wariya, op.cit, h
48. ibid, h.
49. The Rocket, op.cit. h.3
50. ibid.

51. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.
52. Temubual dengan Dr Tan Seng Giaw.
53. Perkara 67, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Selangor, pindaan 1989.
54. The Rocket, op.cit.
55. ibid.
56. Temubual dengan Dr Tan Seng Giaw.
57. ibid.
58. ibid.
59. ibid.
60. ibid.
61. ibid.
62. Kertas kerja Dr Tan Seng Giaw.
63. ibid.
64. ibid.
65. Temuabual dengan Dr Tan Seng Giaw.
66. ibid.
67. ibid.
68. ibid.
69. ibid.

## BAB KEEMPAT

### PENJELASAN DAN RUMUSAN

#### 4.1 PENDAHULUAN.

Dalam bab yang ketiga penulis telah pun menjelaskan tentang kefahaman serta sikap yang ditunjukkan oleh DAP berhubung dengan penubuhan negara Islam di Malaysia.

Berdasarkan kepada kajian tersebut menunjukkan terdapat beberapa masalah yang menyebabkan DAP tidak dapat menerima kewujudan negara Islam di Malaysia.

Dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa kesilapan parti tersebut berhubung dengan kefahaman mengenai negara Islam. Kefahaman yang salah itu termasuklah soal mengenai konsep agama Islam itu sendiri. Kurangnya kefahaman mengenai konsep Islam sebagai agama telah menyebabkan berlakunya salah faham dalam beberapa perkara yang berhubung dengan negara Islam itu sendiri.

Dalam huraian yang selanjutnya penulis akan cuba memberikan beberapa penjelasan berhubung dengan beberapa keke-

liruan dalam perkara-perkara yang telah disebutkan.

#### 4.2 ISLAM SEBAGAI IDEOLOGI NEGARA DAN PERBEZAANNYA DENGAN AGAMA YANG LAIN.

Dalam bab yang lalu telah dinyatakan antara alasan yang dikemukakan oleh DAP untuk menolak usaha penubuhan negara Islam di Malaysia ialah bahwa sistem sekular adalah sangat sesuai untuk negara seperti Malaysia. Sebarang usaha untuk menjadikan agama sebagai ideologi negara akan menimbulkan diskriminasi agama. Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa DAP sebenarnya tidak memahami secara jelas tentang agama Islam dan bagaimanakah ia berbeza dengan lain-lain agama yang ada di Malaysia.

Pertama sekali ialah perbezaan dari segi konsep. Sebenarnya konsep Islam sebagai agama adalah berbeza dengan konsep lain-lain agama yang ada di Malaysia. Islam sebenarnya adalah satu sistem kehidupan yang mengatur kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Ia sebenarnya adalah agama yang diturunkan oleh Allah sebagai agama yang terakhir yang diiktiraf di sisi Allah sesudah berlalunya tempoh agama-agama lantaran yang terdahulu yang dibawa oleh nabi-nabi yang terdahulu.<sup>1</sup>

Islam tidak menitikberatkan soal-soal kerohanian semata-mata tetapi juga menambil berat urusan keduniaan yang manusia hidup di dalamnya. Oleh kerana itu terdapat di dalam Islam sistem-sistem yang mengatur cara kehidupan bagi semua masyarakat samada individu, keluarga, masyarakat atau pun negara. Ini sudah tentu berbeza dengan lain-lain agama di mana hanya soal-soal kerohanian yang sahaja yang dititikberatkan. Manakala soal yang berkaitan dengan kehidupan keduniaan seperti soal politik, ekonomi pendidikan dan sebagainya, maka perkara itu diserahkan kepada akal manusia sepenuhnya untuk memikirkan perkara tersebut. Dalam hal ini mereka terpaksa bergantung sepenuhnya kepada akal mereka tanpa sebarang panduan atau bimbingan yang sebenar.

Sejarah telah membuktikan bahawa mana-mana negara yang tegak di atas ideologi agama akan runtuh kecuali agama Islam. Sebelum kewujudan faham sekular, kebanyakan negara-negara di barat telah menjadikan Kristian sebagai ideologi negara. Akibatnya negara tersebut ketinggalan jauh di belakang. Sedangkan pada waktu itu Empayar Islam telah menjadi satu empayar yang agung. Empayar tersebut telah mencapai kemajuan yang tinggi. Ini adalah kerana Islam adalah agama yang sentiasa memberikan kebebasan berfikir kepada umatnya supaya mereka sentiasa bergerak kearah pembangunan dengan bimbingan daripada Al Quran.

Dalam masa yang sama seperti yang telah disebutkan negara-negara barat adalah terlalu mundur akibat penguasaan ketua-ketua agama Kristian dalam urusan pentadbiran negara dan mereka telah menghalang pengembangan pemikiran di kalangan rakyat. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya sekatan dibidang penyelidikan yang membawa kepada kemunduran. Lama kelemaaan masyarakat barat telah bangun menentang pemerintahan Kristian dan membebaskan diri mereka dari cengkaman golongan padri Kristian. Ketika ini bermulalah fahaman sekular iaitu fahaman yang memisahkan agama dari urusan kenegaraan.

4

Keadaan yang serupa tidak pernah berlaku kepada pemerintahan yang ada di negara Islam kerana seperti yang telah dinystakan tabiat Islam itu sendiri yang memberi peluang kepada umatnya untuk menggunakan akal dan fikiran di dalam usaha mencapai pembangunan serta melepaskan diri mereka dari pemikiran yang beku. Ini didasarkan kepada firman Allah di dalam Al Quran;

أَفَلَا تَعْقِلُونَ

"Tidakkah kamu berfikir" 5

Apabila umat Islam sendiri sudah tidak memahami tabiat

maka lama kelamaan mereka menjadi mundur dan lemah. Inilah antara faktor yang menyebabkan runtuhnya Empayar Islam yang telah menguasai hampir separuh dari negara-negara yang ada di dunia pada ketika itu.

6

Oleh kerana kemampuan Islam menjadi ideologi negara telah dibuktikan melalui sejarah, maka ia perlu menjadi alternatif kepada sistem-sistem kenegaraan yang wujud pada hari ini lebih-lebih lagi sistem-sistem ciptaan manusia tersebut telah terbukti gagal untuk menyelesaikan masalah-masalah manusia pada hari ini.

Oleh yang demikian alasan DAP mengatakan bahawa Islam tidak sesuai untuk dijadikan ideologi negara adalah tidak dapat diterima kerana kelainan yang ada pada Islam dari sudut tabiatnya jika hendak dibandingkan dengan lain-lain agama yang ada pada hari ini.

#### 4.3 KEBEBASAN AGAMA DALAM NEGARA ISLAM.

Anggapan DAP bahawa tidak ada kebebasan agama dalam negara Islam adalah satu tanggapan yang silap. Ini adalah kerana dasar keagamaan dalam negara Islam adalah jelas iaitu setiap rakyat tidak akan dipaksa untuk menganut Islam. Ertinya rakyat yang bukan Islam adalah bebas untuk mengamalkan

moyang mereka meski pun mereka memelok Islam dengan kerelaan mereka sendiri. 9

Sebenarnya menurut Islam, penentuan had umur tersebut mempunyai sebab yang tertentu. Apabila seseorang itu telah mencapai had umur baligh, maka ia bertanggungjawab atas apa yang ia kerjakan di sisi Allah. Ertinya, setiap amalan dan perbuatan akan diberi balasan samada amalan yang baik atau pun amalan buruk. 10 Seseorang itu boleh mencapai umur baligh dengan kedatangan haid bagi perempuan atau mimpi bertubuh bagi lelaki. Ini mungkin berlaku pada peringkat umur 9 tahun keatas. Walau bagaimana pun ramai orang telah mencapai umur baligh apabila mencapai umur 15 tahun.

Sebaliknya perkara yang boleh dipertikaikan ialah apakah kriteria yang digunakan bagi menentukan bahawa umur 18 tahun adalah umur dewasa. Apa yang pasti perkara tersebut hanya ditentukan dalam undang-undang British ( Common Law ) ketika ia mula diperkenalkan di Malaysia ketika menjelang kemerdekaan. Dalam hal ini penentuan had umur 18 tahun mungkin bersesuaian dengan realiti yang ada di British pada ketika itu tetapi ia tidak semestinya bersesuaian dengan realiti yang ada di Malaysia. Oleh kerana itu tidak ada satu kriteria yang jelas bagi menentukan had umur dewasa adalah 18 tahun.

Ia sebenarnya hanyalah warisan penjajah yang pernah menjajah Malaysia.

Kesimpulannya bahawa enakmen tersebut sebenar lebih menjamin kebebasan seseorang untuk menentukan agama dan ia juga bertujuan untuk melindungi kebebasan seseorang yang telah memelok agama Islam dari dipaksa untuk kembali kepada agama yang asal.

#### 4.4 KERAKYATAN NEGARA ISLAM.

Antara persoalan yang dibangkitkan oleh DAP berhubung dengan negara Islam ialah soal kerakyatan. DAP menjelaskan bahawa ia menentang penubuhan negara Islam disebabkan rakyat akan dibahagikan mengikut agama. Jadi tidak ada perbezaan dengan apa yang ada pada hari ini di mana rakyat Malaysia dibahagikan kepada bumiputera dan bukan bumiputera. Ini sebenarnya adalah antara ciri-ciri perpecahan yang wujud. Apa yang diperjuangkan oleh DAP satu bentuk masyarakat yang sama dalam segenap aspek seperti aspek politik, ekonomi pendidikan dan sebagainya. Perbezaan yang wujud samada dari sudut bangsa atau pun agama hendaklah diketepikan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa DAP sebenarnya memperjuangkan satu bentuk persamaan rakyat yang mutlak dengan tidak mengambil kira soal perbezaan yang wujud khususnya perbezaan dari sudut agama.

Sebenarnya perjuangan untuk membentuk satu persamaan yang mutlak adalah satu perjuangan yang tidak bertepatan dengan realiti yang ada di Malaysia. Persamaan yang diperjuangkan oleh DAP itu tidak mungkin dapat dilaksanakan di Malaysia. Bagi penduduk Malaysia, perkara agama amat berkait rapat dengan kehidupan rakyat terutamanya agama yang dianuti oleh sebahagian besar masyarakat Malaysia iaitu agama Islam.

Umat Islam sebenarnya amat sensitif dengan agama mereka dan mereka akan sanggup mengorbankan apa sahaja demi agama mereka.

Dengan kepelbagaian yang wujud di Malaysia dari sudut agama, sudah tentu melahirkan tuntutan-tuntutan yang berbeza antara satu sama lain. Oleh kerana itu untuk menyamakan mereka dalam semua hal dan keadaan adalah satu perkara yang tidak logik kerana setiap orang akan cuba memenuhi tuntutan agama masing-masing yang sememangnya berbeza itu.

Oleh itu pembahagian rakyat yang berdasarkan kepada agama seperti yang telah ditetapkan dalam negara Islam adalah satu pembahagian yang logik kerana Islam mengiktiraf perbezaan tuntutan agama yang dianuti oleh pelbagai individu dalam masyarakat. Pembahagian tersebut sebenarnya memudahkan kerajaan atau pemerintah untuk mengenal pasti apakah hak-hak

agama mereka sendiri. Firman Allah Taala yang berbunyi;

### لَا كُرْهَةَ فِي الدِّينِ

" Tidak ada paksaan dalam beragama."

7

Seterusnya DAP telah menggunakan isu yang baru berlaku sebagai hujjah untuk mengatakan bahawa tidak ada kebebasan beragama dalam negara Islam. Ia adalah adalah berkaitan dengan perkara 67 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selengor. DAP berpendapat bahawa enakmen yang diluluskan itu adalah bertentangan dengan hak asasi manusia seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

8

Bagi DAP enakmen tersebut sebenarnya telah mencabul hak ibu-bapa keatas anak mereka kerana mereka sudah tidak lagi bebas untuk menentukan agama anak mereka yang telah mencapai umur 15 atau pun umur baligh.

Sebenarnya tanggapan tersebut tidak mempunyai satu alasan yang kukuh. Enakmen tersebut bukanlah bertujuan untuk menyekatkan kebebasan ibu bapa di dalam menentukan agama anak-anak mereka , tetapi ia adalah bertujuan untuk menjaga kebebasan mereka yang telah mencapai umur baligh untuk menganut agama Islam. Sebelum ini terdapat kes di mana ada klangan mereka yang telah mencapai umur baligh telah dipaksa oleh ibu bapa mereka supaya kembali menganut agama nenek

yang sepatutnya diperolehi oleh setiap anggota masyarakat yang menganut berbagai agama. 9

Soal orang bukan Islam tidak akan diberi hak politik yang sewajarnya, maka perkara itu mesti dikaji secara menyeluruh. Apakah hak yang sama dalam bidang politik itu bermaksud hak untuk sama-sama terlibat dalam penggubalan dasar negara atau pun ia bermaksud dalam soal-soal pentadbiran.

Kalau yang dimaksudkan itu ialah hak untuk sama-sama terlibat dalam soal penggubalan dasar negara, maka perkara itu sudah tentu tidak dapat dipenuhi oleh pemerintah Islam. Perkara itu merupakan perkara yang biasa dalam mana-mana negara. Sebuah negara yang menjadikan sosialis sebagai ideologi mestilah mengambil orang-orang yang berfahaman sosialis sebagai ketua negara atau pun terlibat dalam soal-soal pembentukan dasar negara. Adalah mustahil seorang yang bukan sosialis akan dilantik sebagai ketua negara atau pun terlibat dalam urusan pembentukan dasar negara. 10

Begitulah juga dengan negara Islam, yang mana telah menjadi satu kemestian bahawa ketua negara mestilah seorang yang beragama Islam dan orang-orang yang terlibat dalam pembentukan dasar negara mestilah menerima kefahaman Islam serta berpegang dengan aqidah Islam. Dalam Islam kusa penggubalan undang-undang adalah di tangan Allah secara mutlak. Dalam Islam juga, manusia tidak menjadi legislator seperti yang difahami oleh selain dari orang Islam. Manusia hanya berhak menggubal undang-undang berbentuk peraturan dan sebagainya yang didasarkan kepada undang-undang Allah. 11

Kalau persamaan hak yang dimaksudkan itu ialah hak untuk turut sama terlibat dalam politik pentadbiran, maka dalam hal ini semua rakyat akan dibenarkan untuk turut sama terlibat di dalamnya. Apa yang perlu ialah ia mesti mempunyai kelayakan yang diperlukan dengan tidak melihat apakah agama yang menjadi mutu.

12

Pendirian yang dipegang oleh Islam adalah satu pendirian yang amat jelas dan ia bukanlah sati teori semata-mata tetapi sememangnya telah dipraktikkan oleh kerajaan Islam dalam negara Islam.

#### 4.5 PERSOALAN MENGENAI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA.

Masyarakat majmuk menjadi satu realiti yang wujud di Malaysia. Tetapi apakah dengan realiti yang wujud itu menjadi satu penghalang yang besar kepada penubuhan negara Islam di Malaysia seperti mana yang didakwa oleh DAP. DAP menjadikan kemajmukan masyarakat Malaysia sebagai faktor terpenting mengapa ia menolak penubuhan negara Islam di Malaysia.

Bagi penulis sikap yang seumpama ini adalah lahir dari kurangnya pengetahuan mereka tentang Islam dan perundangan Islam itu sendiri. Apakah benar perlaksanaan undang-undang

Islam yang merupakan aspek terpenting bagi penubuhan negara Islam akan menyebabkan perlakunya penindasan agama di kalangan mereka yang bukan Islam seperti yang di dakwa oleh parti DAP.

Dakwaan yang seumpama ini sebenarnya adalah bertentangan dengan falsafah undang-undang Islam itu sendiri kerana falsafah yang diperjuangkan oleh undang-undang Islam ialah keadilan yang sejagat. Setiap hukuman dalam undang-undang itu adalah adil kerana ia adalah setimpal dengan apa yang dilakukan. Hukuman tidak akan dilaksanakan secara membabit-babit dan tanpa pertimbangan. 13

Oleh yang demikian wujudnya masyarakat majmuk yang menganut pelbagai agama bukanlah merupakan faktor yang tidak membolehkan undang-undang Islam dilaksanakan kerana mengikut pandangan Islam kerana hubungan manusia sesama mereka adalah berdasarkan kepada karamah insaniyah sebagaimana yang dijelaskan oleh Al Quran mengenai kejadian manusia. 14

Selain dari itu pihak DAP juga mengatakan bahawa undang-undang Islam adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan sekarang kerana ia tidak mengikut perkembangan zaman. Lebih daripada itu lagi DAP mengatakan bahwa beberapa aspek dalam undang-undang Islam atau pun disebut undang-undang Syariah adalah

adalah bertentangan dengan apa yang di dalam Al Quran. Bagi menyokong pendapat tersebut, DAP telah memetik kata-kata Dr Chandra Muzaffar mengenai perbezaan-perbezaan yang wujud antara Al Quran dan undang-undang Syariah.

Bagi pemulis, pandangan Dr Chandra Muzaffar mengenai perbezaan yang wujud antara Al Quran dan undang-undang Syariah menunjukkan kurangnya pengetahuan beliau mengenai undang-undang Syariah itu sendiri. Ini tidak menghairankan kerana Dr Chandra adalah seorang yang baru memelok Islam dan pengetahuan beliau tentang Al Quran dan undang-undang Syariah mungkin terbatas. Oleh yang demikian hujjah dan kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang yang baru memelok Islam tidak dapat diterima kerana ia adalah sangat lemah.

#### 4.6 RUMUSAN

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penulis di awal penulisan ini bahwa tujuan kajian ialah untuk melihat bagaimakah sikap DAP bernenaan dengan penubuhan negara Islam di Malaysia.

Sikap itu semestinya lahir dari kefahaman parti tersebut tentang apakah yang dikatakan dengan negara Islam. Perbanding-

an antara kefahaman terhadap konsep negara Islam dan matlamat yang diperjuangkan oleh DAP akan melahirkan sikap mereka yang tertentu berhubung dengan penubuhan negara Islam di Malaysia.

Perlu diingat ketanyakannya anggota DAP adalah terdiri dari golongan bukan Islam. Dalam pada itu tidak dapat dinafikan bahawa ada juga mereka yang beragama Islam yang menjadi anggota parti tersebut, tetapi jumlah mereka adalah kecil. Sedikitnya penglibatan golongan Muslim yang menganggotai parti tersebut mungkin disebabkan oleh isu-isu yang ditimbulkan oleh DAP dari masa kesemasa di mana kebanyakannya isu yang ditimbulkan itu telah mencetuskan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka yang beragama Islam seperti hak keistimewaan Melayu, kedudukan raja-raja dan yang paling terakhir sekali ialah mengenai Enakmen Pentadbiran Hukum Islam Negeri Selagor.

Oleh kerana ramainya bilangan mereka yang bukan Islam yang menganggotai DAP, maka pandangan serta sikap DAP adalah dikira mewakili sebahagian dari penduduk bukan Islam di Malaysia.

Apa yang dapat dirumuskan oleh penulis bahawa penolakan

DAP adalah berpunca dari salah tanggap parti tersebut berhubung dengan konsep negara Islam.

DAP awal-awal lagi telah meletakkan sikap yang prejedis terhadap negara Islam apabila ia mengatakan sebarang usaha untuk mengwujudkan negara Islam di Malaysia samada dari pihak kerajaan atau pun pihak yang lain akan ditentang.

Ini sebenarnya merupakan satu cabaran yang besar kepada umat Islam di Malaysia kerana hampir separuh daripada penduduk Malaysia adalah terdiri dari rakyat bukan Islam. Oleh yang demikian usaha-usaha kearah pengislaman negara Malaysia akan berhadapan dengan berbagai masalah yang berpunca dari keengganan golongan bukan Islam untuk menerima kewujudan sebuah negara Islam.

Salahfaham parti tersebut terhadap konsep negara Islam adalah juga berpunca dari suasana yang wujud dalam masyarakat Islam itu sendiri yang tidak mampu untuk melaksanakan ajaran Islam yang sebenarnya. Penulis berkeyakinan seandainya keindahan Islam boleh ditonkolkan oleh masyarakat Islam, maka rakyat bukan Islam di Malaysia khususnya DAP akan menerima kewujudan negara Islam di Malaysia . Kenyataan ini adalah berasaskan kepada apa yang telah berlaku dalam sejarah Islam di mana apabila masyarakat telah melihat keindahan maka mereka akan

terpikat dengan ajarannya sekali pun penjajah yang menjah yang menjajah negara Islam.

Oleh yang demikian seluruh masyarakat Islam di Malaysia mestilah berusaha untuk menghayati ajaran Islam yang sebenarnya sehingga mereka mampu menjadi contoh yang baik bagi semua masyarakat yang ada di Malaysia. Hanya dengan cara ini sahalah masyarakat bukan Islam akan nampak dimanakah keindahan Islam dan dimanakah keadilan negara Islam.

SEKIAN.

## NOTA KAKI

1. Sayeed Qutb, Ma'alim Fi at Tariq, ( Beirut: Dar as Syuruk, 1980 ) Cetakan kelapan, h. 136
2. ibid.
3. Doktor Muhammad Amerah, Al Ilmaniyyah wa Nahdatuna al Hadithah, ( Beirut: Dar as Syuruk, 1986 ) Cetakan kedua, h. 152
4. Muhammad Qutb, Ancaman Sekularisme, terjemahan Lukmanul Hakim dan lain-lain, ( Yogyakarta: Salahuddin Press, 1986 ) Cetakan pertama, h. 22
5. Surah Al Baqarah, ayat 44.
6. Samih Atifuddin, Awamil Di'fi al Muslimin, ( Qaherah: Dar al Kitab al Misr 1978 ) h. 16
7. Surah Al Baqarah, ayat 257
8. The Rocket, volume 22, issue 7, 1989
9. Doktor Muhammad Said Ramadhan AL Booti, Islamic Law, Its Scope And Equity, ( Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia, 1987 ) h. 119
10. ibid, h. 121
11. Doktor Muhammad Salam Madkur, Ma'llim Daulah Islamiyah, ( Kuwait: Maktabah al Fallah ) Cetakan pertama h. 104
12. Abu Bakar Bin Abdullah, Kearah Perlaksaan Undang-Undang Islam Di Malaysia: Masalah Dan Penyelesaian, ( Kuala Terengganu: Pustaka Damai, 1986 ) Cetakan pertama, h. 220
13. ibid.
14. ibid, h. 223